

2 |Tempatan

PMS, Semarak Seni Labuan bakal tonjol kesenian pelbagai kaum

LABUAN: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sabah (JKKN Sabah) dan Persatuan Anak Seni Wilayah Persekutuan Labuan (ASWILA) akan menganjurkan Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS), Semarak Seni Labuan.

Program dengan kerjasama Persatuan Gasing Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan Labuan pada 8 dan 9 Oktober di Kompleks Sukan Labuan itu berkonsepkan manifestasi seni pelbagai kaum dan permainan tradisional dengan objektif mengetengahkan dan mempopularkan kesenian masyarakat Labuan dan permainan tradisional khususnya gasing.

Program bagi membantu mempromosi Labuan sebagai destinasi tarikan pelancong selain memupuk penghayatan dan apresiasi masyarakat terutamanya golongan belia terhadap seni dan budaya.

Sempena program dua hari itu, Pertandingan Gasing Regu Terbuka akan diadakan dalam usaha memastikan permainan gasing ini tidak hilang ditelan zaman seterusnya memupuk, mencari dan mencungkil bakat-bakat baharu untuk diketengahkan dalam pertandingan gasing.

Pendekatan JKKN Sabah mengadakan program seumpama ini adalah bertepatan bagi membangunkan semula permainan tradisional gasing khususnya di Labuan yang satu ketika dahulu banyak melahirkan pemain-pemain gasing yang terkenal, termasuklah mempunyai pasukan gasing wanita pertama di Malaysia.

Selain itu, Senam Seni Malaysia iaitu senamrobik berasaskan gabungan elemen tarian dan seni mempertahankan diri pelbagai kaum di Malaysia juga diadakan.

PMS Semarak Seni Labuan juga akan mengadakan demonstrasi permainan gasing dan seni, persembahan kesenian pelbagai kaum, jualan dan pameran produk kraf seni budaya, dan juga ujibakat Festival Tari Malaysia, serta pelbagai aktiviti lagi yang boleh disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat setempat.

Para penggiat dan peminat seni budaya tanah air bolehlah mengunjungi laman sosial fanpage rasmi JKKN di *facebook* dan *instagram* JKKN Sabah atau laman rasmi www.jkkn.gov.my.